

**REMAJA LEBIH BERMINAT MEMBACA MAJALAH
HIBURAN BERBANDING BUKU AKADEMIK:
SATU KAJIAN DI SEKSYEN 10 DAN PADANG JAWA
SHAH ALAM**

NOOR AISAH BINTI MOHAMAD

**IJAZAH SARJANA MUDA KOMUNIKASI MASSA
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM
SESSI 1994 / 1998**

PENGHARGAAN

BISMILLAHIRAHMANIRAHIM

Syukur saya kehadiran ALLAH S.W.T dan selawat serta salam ke atas junjungan Saiyidina Muhammad s.a.w. Dengan limpah kurnia, taufik hidyah serta izinNYA dapatlah saya menyiapkan tesis ini.

Seterusnya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada keluarga saya terutamanya ayahnda, ibonda dan adik-adik saya yang sentiasa mendoakan kejayaan serta bantuan dan dorongan sepanjang pengajian . Juga tidak dilupakan suami tersayang dan anak kesayangan Nur Syafiqah kerana kesabaran dan sokongan beliau sepanjang pengajian saya.

Saya ingin merakam setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan berbanyak terima kasih kepada penyelia saya Encik Zulkipli Abu Bakar kerana telah memberikan saya tunjukajar, bimbingan serta dorongan seikhlas hati . Di atas kesabaran beliau memahami masalah-masalah yang saya hadapi ingin saya merakamkan ribuan terima kasih.

Kandungan	Muka Surat
Pengakuan	i - ii
Penghargaan	iii - v
Sinopsis	vi - vii
Bab 1. Pendahuluan	1
1.1 Pengenalan	1 - 3
1.2 Literature Review	4 - 16
Bab 2. Pernyataan Masalah	17
2.1 Remaja Kurang Berminat Membaca Bahan Yang Berbentuk Ilmu Pengetahuan	17 - 18
2.2 Tingkahlaku Remaja Yang Mudah Terpengaruh Dengan Bahan Bacaan Yang Berbentuk Perkembangan Semasa	19 - 20
2.3 Kemerosotan Remaja Dalam Bidang Akademik	20
2.4 Sikap Ibu Bapa Yang Kurang Ambil Berat Terhadap Bahan Bacaan Remaja	21
Bab 3. Kepentingan Kajian , Objektif Kajian, Skop Kajian, Kaedah Kajian dan Jadual Kerja	22
3.1 Kepentingan Kajian	22 - 23
3.2 Objektif Kajian	24
3.3 Skop Kajian	25
3.4 Kaedah Kajian	25

SINOPSIS

Kajian ini dijalankan bagi meneliti secara umum tentang remaja lebih berminat membaca majalah hiburan berbanding buku akademik. Dua kawasan dipilih bagi menjalankan kajian ini iaitu Seksyen 10 dan Padang Jawa , Shah Alam.

Kajian dijalankan melalui kaedah *stratified random sampling* dengan meneliti beberapa kriteria tertentu seperti kaum yang terdiri dari Melayu, Cina dan India. Responden terdiri daripada golongan remaja dan merangkumi jantina lelaki dan perempuan.

Dari hasil kajian yang dijalankan didapati remaja Melayu lebih berminat membaca majalah hiburan dari kaum Cina dan India. Ini kerana kebanyakan majalah yang disenaraikan dalam penyelidikan ini adalah berbahasa Malaysia. Ini dapat dibuktikan melalui jadual yang dilampirkan.

Pencapaian akademik kaum Melayu juga kurang memuaskan berbanding kaum lain. Oleh itu remaja perlu ada *role model* mereka sendiri sebagai dorongan kepada mereka untuk turut berjaya seperti mereka khususnya dalam bidang akademik.

Dalam usaha memberikan kesedaran terhadap remaja , pihak ibu bapa , guru dan masyarakat sekeliling perlu turut berganding bahu memberikan nasihat yang berguna dan tindakan awal perlu diambil sebelum ianya terjadi.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Kajian Tabiat Membaca di Malaysia yang dijalankan tahun 1996 dikalangan rakyat berusia 10 tahun ke atas) mendapati kadar literasi penduduk meningkat kepada 93 peratus . Peningkatan sebanyak dua peratus berbanding tahun sebelumnya.

Walau bagaimanapun kajian ini mendapati hanya 87 peratus sahaja benar-benar mengamalkan tabiat membaca sama ada akhbar , majalah dan buku atau buku komik Kajian ini mendapati kebolehan dan minat membaca semakin berkurangan apabila umur meningkat dan minat membaca berkurangan dengan kadar yang tinggi apabila usia rakyat semakin meningkat. Bagaimanapun minat membaca apabila usia semakin meningkat adalah mengikut *trend*.

Faktor peribadi yang ada kaitan dengan kebolehan dan minat membaca secara positif pula ialah sudah membaca sewaktu usia muda., menerima buku sebagai hadiah, selalu ke perpustakaan serta digalakkan membaca sewaktu masa lapang.